

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG**  
**[ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Gooi Hsiao-Leung minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang yang akan diambil Kementerian, termasuk pembinaan empangan baru sekiranya ada, untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan air yang kini dihadapi di Kedah.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Fenomena El Nino dan cuaca kering menyebabkan 3 loji rawatan air (LRA) dalam Daerah Kuala Muda/Yan iaitu LRA Bukit Tupah, LRA Merbuk dan LRA Gurun terjejas melibatkan 1,585 akaun pengguna. Manakala bekalan air ke daerah-daerah lain di negeri Kedah tidak terjejas.
  
2. Antara langkah penyelesaian jangka pendek yang diambil oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) termasuk:
  - (a) pelepasan air dari Empangan Muda bagi menambahkan jumlah aliran air Sungai Muda untuk kegunaan domestik;
  
  - (b) penjadualan semula pengambilan air di Sungai Muda bagi skim pengairan padi;
  
  - (c) pengurangan pelepasan air dari Empangan Beris dan Empangan Muda daripada 15 cumecs ke 8 cumecs untuk penanaman padi bagi meningkatkan kapasiti air mentah bagi tujuan domestik; dan

(d) pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

3. Sementara itu, penyelesaian jangka masa panjang yang telah dirancang oleh SADA termasuk:

(a) mempergiatkan kempen penjimatan air;

(b) menaiktaraf LRA Pelubang bagi menampung permintaan air terawat bagi Daerah Kota Setar dan Daerah Kubang Pasu dan LRA Jenun Baru bagi menampung permintaan Daerah Yan dan Pendang;

(c) meningkatkan kapasiti takungan Empangan Muda, Empangan Beris dan Empangan Malut di Langkawi; dan

(d) penerokaan sumber air alternatif seperti air bawah tanah atau desalinasi bagi Pulau Langkawi.

\*\*\*\*\*